



PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA
(OFFICE OF THE AUDITOR - GENERAL)
JALAN CENDERASARI,
50518 KUALA LUMPUR.
MALAYSIA

*Telefon : 03 - 2929 532
Fax : 603 - 2944 708
Kawat : "AUDITNEGARA" K.L
(Cable)*

Ruj.Fail : **AUDIT/IP/147/656/3/(5)**

Tarikh : **24 April 2000**

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan

Y. B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri

Pihak-Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan,

PEKELILING KETUA AUDIT NEGARA BIL. 1/2000
TINDAKAN SUSULAN TERHADAP TEGURAN AUDIT

Selaras dengan peruntukan Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mengemukakan Laporan Tahunan mengenai pengurusan kewangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-Kerajaan Negeri, Badan-Badan Berkanun dan lain-lain Kumpulan Wang kepada Yang Di Pertuan Agung yang akan menitahkan laporan-laporan tersebut dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri. Laporan-laporan tersebut kemudiannya dibentangkan di Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara/Negeri.

2.. Berasaskan kepada pengauditan yang dilakukan, Ketua Audit Negara mendapati bahawa Kementerian-Kementerian, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun sama ada peringkat Persekutuan atau Negeri berulang-kali melakukan kesalahan-kesalahan berikut:-


- (a) Ketidakpatuhan kepada Undang-undang;
- (b) Ketidakpatuhan kepada prosedur, peraturan dan Pekeling Kerajaan;
- (c) Kelemahan dalam penyelenggaraan akaun dan rekod kewangan; dan
- (d) Kelemahan pengurusan perbelanjaan yang mengakibatkan pembaziran

3. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) yang bersidang pada 20 April 2000 semasa menimbangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Akaun Awam dan Aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan bagi Tahun 1998 memandang berat terhadap teguran-teguran yang terkandung dalam Laporan tersebut terutama mengenai isu-isu yang berulang setiap tahun. Jabatan Audit Negara telah diarah memantau tahap pengurusan kewangan Kementerian, Jabatan dan lain-lain agensi Kerajaan dan melaporkan kepada JKKMKPK mengenai kegagalan Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan Peringkat Persekutuan dan Negeri/Ketua Eksekutif Badan Berkanun memberi jawapan kepada teguran audit dan kegagalan mengambil tindakan susulan yang menyeluruh dan berterusan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam sesuatu Laporan Audit supaya kelemahan dan kesalahan dalam pengurusan kewangan yang sama tidak berulang.

4. Berasaskan kepada arahan JKKMKPK di atas, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Y. B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan adalah diminta supaya mengkaji dan menyemak semula teguran-teguran audit yang telah dibangkitkan sejak tiga tahun yang lalu dan mengambil tindakan susulan/pembetulan yang sesuai bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang di masa-masa akan datang. Pegawai-pegawai audit akan berhubung dengan pihak pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi bagi meninjau sejauh mana tindakan susulan dan langkah pembetulan telah diambil untuk memastikan isu-isu yang dibangkitkan pada masa yang lalu dapat diatasi dengan cara yang paling berkesan. Jabatan Audit Negara bersedia untuk membantu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,


(DATUK DR. HADENAN BIN ABDUL JALIL)
Ketua Audit Negara
Malaysia

s.k.: Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara